

B663:
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 12 JULAI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD HARI INI MENCADANGKAN SUPAYA SYARIKAT-SYARIKAT JANGAN HANYA MENAJA RANCANGAN HIBURAN SAHAJA UNTUK KEPENTINGAN IKLAN TETAPI JUGA YANG BOLEH MENDIDIK RAKYAT.

ORANGRAMAI HENDAKLAH MEMBERI SAMBUTAN TERHADAP RANCANGAN-RANCANGAN BERBENTUK PENDIDIKAN KERANA IA MEMBERI MENAFAAT BESAR.

BERUCAP DI MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH DAN SIJIL BAGI RANCANGAN SAINTIS MUDA 1975/76 DI ANGGASAPURI DI SINI, DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA, RANCANGAN ITU MERUPAKAN SATU-SATUNYA RANCANGAN TV UNTUK ORANGRAMAI BERBENTUK PENDIDIKAN.

TUJUAN RANCANGAN ITU TALAH UNTUK MENUNJUKKAN KEPADA ORANGRAMAI KEUPAYAAN PELAJAR-PELAJAR DI SINI MENGHASILKAN PROJEK-PROJEK DARI PENGETAHUAN YANG ADA PADA MEREKA.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, IA BERTUJUAN MENYEDARKAN RAKYAT BETAPA KONSEP-KONSEP DAN PRINSIP MUDAH DALAM SAINS DAN TEKNOLOGI DAPAT DIGUNA BAGI MENGHASIL SESUATU YANG MENAFAAT KEPADA KEHIDUPAN MANUSIA DI SEGI KESIHATAN, PERTANIAN, PERINDASTERIAN DAN PENGETAHUAN UMUM. -- BERSAMBUNG 2235/2

66

B664:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DI SAMPING ITU IA MEMBERI PELUANG KEPADA PARA PELAJAR MELIBATKAN DIRI DALAM KEGIATAN LUAR BILIK DARJAH YANG BERGUNA KEPADA DIRI MEREKA SENDIRI PADA MASA INI DAN YANG AKAN DATANG.

BELIAU BERKATA, TERDAPAT SEKOLAH-SEKOLAH DI SETENGAH NEGERI KURANG MEMBERI SAMBUTAN TERHADAP RANCANGAN ITU DAN BERHARAP DI MASA AKAN DATANG SEMUA NEGERI DIWAKILI DAN ADA KESEIMBANGAN ANTARA ALIRAN KEBANGSAAN DENGAN INGGERIS.

MEMANDANGKAN KURANGNYA RANCANGAN TV BERBENTUK PENDIDIKAN KELUARAN TEMPATAN DR. MAHATHIR BERHARAP SYARIKAT ESSO YANG MENAJA RANCANGAN TAHUN INI AKAN MENERUSKAN LAYANAN ITU DI TAHUN-TAHUN AKAN DATANG SUPAYA IA MENJADI SATU TRADISI.

RANCANGAN SAINTIS MUDA 1975/76 ITU YANG DITAJA OLEH SYARIKAT ESSO MALAYSIA BERHAD DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PELAJARAN DAN RTM ADALAH SIRI KEDUA. SIRI PERTAMA DITAYANGKAN DALAM TAHUN 1974.

SEKOLAH MENENGAH SULTAN SBLAIMAN, KUALA TRENGGANU TELAH MEMENANGI TEMPAT PERTAMA DENGAN PROJEKNYA BERJODOL +KESAN BERBAGAI JENIS MAKANAN KE ATAS PEMBESARAN ULAT SUTRA+.

SEKOLAH ITU MENERIMA HADIAH \$1,500, SEBUAH TFOPI DAN SIJIL.

MAKTAB SULTAN ISMAIL, KOTA BAHARU TEMPAT KEDUA DENGAN WANGTUNAI

\$1,000; SEKOLAH MENENGAH SANG KLUANG, KETIGA MENERIMA \$750;

MAKTAB SULTAN ABU BAKAR, JOHOR BAHARU, KEEMPAT MENERIMA \$500

DAN SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN IBRAHIM, SUNGAI PETANI KELIMA MENERIMA \$250.

RANCANGAN ITU YANG BERMULA PERTENGAHAN JANUARI ITU DIADAKAN SELAMA ENAM BULAN. -- BERNAMA WWRQXAI